

**Calon BN Mengundi Di SMK Kuala Besut  
Bernama  
24 July, 2013**

KUALA BESUT, 24 Julai (Bernama) -- Berbaju Melayu merah lengkap bersamping ditemani isteri Siti Salbiah Osman yang berbaju kurung merah sedondon, calon Barisan Nasional (BN) Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman pada Rabu mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut di sini.

Tengku Zaihan, 37, atau dikenali penduduk di sini sebagai "Abe Ku" dan Siti Salbiah, 34, tiba di pusat mengundi pada pukul 8 pagi dan calon BN itu selesai menunaikan tanggungjawabnya pada 8.15 pagi.

Beliau kemudian meluangkan masa beramah mesra dengan pengundi dan petugas pilihan raya di situ sebelum bergerak ke pusat-pusat pengundian lain di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut untuk meninjau proses pengundian pilihan raya kecil berkenaan.

Ditanya pemberita kenapa beliau dan isteri memilih untuk memakai baju merah hari ini, Tengku Zaihan berkata: "Merah ini simbol keberanian."

"Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru pengundi untuk keluar awal dan menunaikan tanggungjawab mereka. Setakat ini proses pengundian berjalan lancar," kata beliau.

Calon PAS Endot @ Azlan Yusof, 48, pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Kampung Baharu di sini pada pukul 8.05 pagi.

Azlan atau dikenali sebagai "Che Long" dalam kalangan penduduk setempat tiba di pusat mengundi pada pukul 7.45 pagi dengan ditemani isterinya Che Zabiyah Muhammad, 44, serta penyokong parti.

Beliau menjadi pengundi kedua di saluran dua sekolah itu. Sebanyak lima saluran dibuka di sekolah berkenaan.

Ketika ditemui selepas itu, Azlan mengaku sedikit berdebar namun beliau berpuas hati dengan perjalanan kempen dan yakin boleh menang.

"Insyallah," katanya.

Sementara itu, tinjauan di SMK Kuala Besut mendapati sekolah tersebut dipenuhi ratusan pengundi seawal pukul 7 pagi yang mengambil kesempatan keluar mengundi awal.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara Tengku Zaihan, seorang jurutera dan Azlan, seorang ahli perniagaan.

Kawasan DUN Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi dan kerusi itu kosong selepas penyandanginya Dr A Rahman Mokhtar daripada BN meninggal dunia pada 26 Jun lalu akibat kanser paru-paru.

Pada pilihan raya umum ke-13 Mei lepas, Allahyarham mempertahankan kerusi DUN Kuala Besut dengan majoriti 2,434 undi mengatasi calon PAS Napisah Ismail.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965680>